Utusan Malaysia

Cuaca panas: Jangan khuatir, penutupan sekolah dibuat jika perlu – Dr Dzulkefly



DZULKEFLY Ahmad berbual bersama penerima anugerah perkhidmatan cemerlang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan di KKM Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

- Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
- 3 Mei 2024, 3:49 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) akan segera membuat pengumuman sekiranya terdapat keperluan penutupan sekolah susulan cuaca panas ketika ini.

Bagaimanapun, Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, segala penelitian perlu dilakukan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Seri Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan terlebih dahulu sebelum penutupan sekolah dibuat.

Justeru, katanya, orang ramai tidak perlu khuatir dengan situasi semasa cuaca panas yang melanda beberapa negeri ketika ini.

“Jangan khuatir sejurus ada situasi seperti itu, segera buat pengumuman. Kami memantau rapi perkara itu,” katanya ketika ditemui selepas majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya keperluan menutup sekolah ekoran cuaca panas khususnya di negeri Pantai Timur.

Dr Dzulkefly berkata, ketika ini, pihaknya menerima lima kes berkaitan strok haba dan kelesuan haba di seluruh negara.

Menurutnya, segala prosedur operasi standard (SOP) sedia ada digerakkan termasuk mengurangkan aktiviti luar di sekolah.

“Kami turut mengesa Kementerian Pendidikan (KPM) supaya mengurangkan aktviti luar bagi pelajar sekiranya suhu kekal 35 darjah Celsius tiga hari berturut-turut sebagai langkah pencegahan,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, isu kekurangan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di hospital daerah kini dipandang serius dan satu rancangan pelaksanaan bakal diumumkan dalam masa terdekat.

“Malam ini (ada) mesyuarat tergempar dengan pengurusan tinggi KKM untuk tangani isu ini. Sehari dua nanti akan umum rancangan pelaksanaan,” katanya.

Pada 26 April lalu, Dr Dzulkefly dilaporkan mengarahkan pengurusan KKM di peringkat pusat dan negeri untuk meneliti isu bebanan tugas di hospital serta penilaian semula tindakan yang dibuat membabitkan penempatan dan cara kerja PPS.

Katanya, negara pernah melalui fasa lambakan graduan perubatan antara 6,000 hingga 7,000 setahun namun kini kurang 3,000 setahun menyebabkan jumlah PPS di hospital semakin berkurang.

Terdahulu, pada majlis itu, Dr Dzulkefly juga melancarkan Pelan Strategik Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) 2024-2028 dalam mentransformasikan agensi itu ke arah operasi regulatori bertaraf antarabangsa.

Jelasnya lagi, pelan itu mencerminkan keazaman MDA untuk berada di barisan hadapan bagi kawalan mutu, jaminan keselamatan dan kawal selia industri khususnya di negara. – UTUSAN